



Sokongan berganda untuk seni: Yayasan Hasanah anugerahkan geran keseluruhan RM4.15 juta menerusi ArtsFAS tahun ini!

Inisiatif geran seni terbesar di Malaysia salur dana untuk lebih 100 acara seni & budaya yang berlangsung hingga 31 Jan 2023

Kuala Lumpur, 27 Dis 2022: Hari ini, Yayasan Hasanah mengumumkan bahawa ia telah menganugerahkan geran berjumlah keseluruhan RM 4.15 juta kepada 41 organisasi seni, budaya dan warisan melalui inisiatif geran tahunan Arts for All Seasons (ArtsFAS) untuk tahun 2022 – hampir tiga kali ganda daripada jumlah dana yang dianugerahkan pada tahun sebelumnya.

Kejayaan ini menyusul selepas tamatnya pusingan akhir permohonan geran ArtsFAS pada bulan lepas, mencetuskan gelombang sebagai program geran seni terbesar dalam persada kreatif Malaysia.

Menggandakan lagi impak sosial di tahun 2022, program geran tahunan ArtsFAS yang diuruskan bersama dengan Kementerian Kewangan itu kini menjangkakan untuk menjana peluang ekonomi buat lebih **3,000 pengamal seni, budaya dan warisan**, sambil menawarkan pengalaman seni dan budaya yang menghiburkan kepada penonton Malaysia.

Tahniah kepada penerima geran ArtsFAS 2022 yang terkini:

1. Experiential Design Team
Ikat : Motif Kita (Seni Visual)
2. Canvas Art Creative Sdn. Bhd.
Restoring Malaysian Old Heritage Photographs To Its Original Glory (Seni Visual)
3. Graffite Management
Taiping Heritage Art Trail (Seni Visual)
4. Kelab Layar Malam Produksi Malaysia
Teater Bermain Puteri (Seni Teater)
5. Moka Mocha Ink
Teater Normcore: Tahun-Tahun Seorang Novelis (Seni Teater)
6. Pertubuhan Seni Kayangan Perak
Ratu Gambus Padang Changkat (Seni Tari)
7. The Rondo Production (M) Sdn Bhd
Malaysia Tuba Christmas (Seni Muzik)
8. Kantan Drum Circle PLT
Hormat & Harmoni Drumming Tour (Seni Muzik)
9. Orang Orang Drum Theatre
"Lang 浪 x Lepak" by Orang Orang Drum Theatre, Featuring Orang Orang Drum

For Immediate Release

Theatre, Anak Borneo and Gideon Alu8khan (Seni Muzik - Teater)

10. Jomsapotlokal Sendirian Berhad
Kulim Art Fiesta (Gabungan pelbagai jenis seni)
11. Arja Art Academy
Jom Main Congkak (Gabungan pelbagai jenis seni)
12. Catama Sdn Bhd
DALAM (Seni Kraf)
13. Persatuan Penggerak Kreatif dan Inovasi Sabah
One with Nature Music Festival (Festival)
14. Persatuan Kurikulum Malaysia
Teater Muzikal Kanak-kanak Berasaskan Lagu Sewang dan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli (Seni Teater)
15. Persatuan OKU Sentral
ILHAM 2022 (Seni Muzik)

Setakat ini, ArtsFAS 2022 menyokong lebih 100 acara seni termasuk seni persembahan, konsert, teater, bengkel, pameran, webinar, persembahan berkumpulan dan banyak lagi, yang berlangsung dari September 2022 hingga Januari 2023 di hampir semua negeri di Malaysia. Ikuti jadual acara yang terkini di www.artsfas.org.

Menyediakan platform untuk mempamerkan seni, warisan dan budaya Malaysia yang dipelihara dan dipulihara melalui acara awam, ArtsFAS bertujuan untuk mendidik generasi muda dan masyarakat umum melalui teknologi, pertukaran ilmu pengetahuan, acara seni, serta pemuliharaan melalui pengaktifan; pada masa yang sama menjadikan seni sesuatu yang boleh dinikmati untuk semua.

-TAMAT-

TENTANG YAYASAN HASANAH

Yayasan Hasanah ("Hasanah") merupakan sebuah yayasan berasaskan impak di bawah Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah"), dana kekayaan berdaulat Malaysia. Hasanah lahir sebagai sebuah yayasan penganugerahan geran bebas pada 1 Julai 2015; sebuah kesinambungan kepada usaha Tanggungjawab Korporat (CR) yang sebelumnya dipacu oleh Khazanah untuk sembilan tahun. Sebagai organisasi penganugerahan geran, Hasanah menjangkau lebih daripada wang ringgit untuk memudahkan ekosistem transformasi, bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan, menanamkan semangat advokasi dan membina kemampuan dalam lima bidang tumpuan utamanya: Pendidikan; Pembangunan Komuniti; Alam Sekitar; Kesenian & Ruang Awam; dan Pengetahuan. Secara kolektif dan kolaboratif, Hasanah berharap dapat menggerakkan anjakan reformasi sosial dan masyarakat untuk rakyat Malaysia, ke arah memajukan Malaysia. Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari www.yayasanhasanah.org.

TENTANG ARTSFAS

Arts for All Seasons atau Seni Sepanjang Musim (ArtsFAS) ialah sebuah platform oleh Yayasan Hasanah yang bertujuan mengetengahkan warisan seni dan budaya tempatan melalui aktiviti yang dibuka kepada orang ramai, sekaligus menghubungkannya dengan generasi baharu. Ayuh raihan kepelbagaian dan kekayaan budaya negara Malaysia. Bersama, kita mampu melakar masa hadapan budaya kita.

Bagi sebarang pertanyaan media dan temu bual, sila hubungi:

For Immediate Release

- Ili Nabilah ili.nabilah@hasanah.org.my
- Hannis Hisham | hannis.hisham@hasanah.org.my